Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5136106

# SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
# STATE SECRETARY OF PAHANG

- [ ] Setiausaha
- [ ] Pengarah Jabatan Pengurusan dan Penguatkuasaan
- [ ] Pengarah Seksyen Perundangan dan Pendakwaan
- [ ] Pengarah Jabatan Perbandaraan
- [ ] Pengarah Seksyen Penswastaan dan Aset Khas
- [ ] Pengarah Jabatan Kejuruteraan
- [ ] Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
- [ ] Pengarah Jabatan Kawalan Perniagaan dan Pelesenan
- [ ] Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Pelancongan
- [ ] Pengarah Jabatan Penilaian
- [ ] Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
- [ ] Pengarah Jabatan Landskap
- [x] Ketua Seksyen Pusat Setempat (OSC)
- [ ] Ketua Seksyen Perhubungan Awam
- [ ] Ketua Seksyen Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- [ ] Ketua Seksyen Audit Dalam
- [ ] Pembantu Khas

Ruj. Kami : SUKPHG.3/700-22/17/3 (14)
Tarikh : 10 April 2019

Yang Hormat Dato' Fadzilla bin Haji Salleh
DSAP., DIMP., SMP., AAP.
Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuantan
Jalan Tanah Putih
25100 Kuantan

ta

Dato' Haji Fadzilla Bin Haji Salleh
DSAP., DIMP., SMP., AAP
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuantan

YH. Dato',

**ARAHAN PENGGUNAAN PENGATURAN KENDIRI (*SELF REGULATED*) PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pentadbiran ini telah memperkenalkan garis panduan yang baharu iaitu Pengaturan Kendiri (*Self Regulated*) Permohonan Cadangan Pemajuan yang melibatkan penggunaan di Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pahang.

3. Sebagai permulaan, penggunaan Pengaturan Kendiri (*Self Regulated*) Permohonan Cadangan Pemajuan akan melibatkan 3 buah PBT iaitu Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Perbandaran Bentong bagi tempoh 4 bulan bermula pada 1 April 2019 hingga 30 Julai 2019 bagi melihat keberkesanan penggunaan. Selepas daripada tempoh tersebut, penggunaannya akan diperluaskan ke semua Pihak Berkuasa Tempatan.

4. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini memohon kerjasama YH. Dato' bagi memastikan penggunaan garis panduan baharu ini kepada semua pihak yang terlibat termasuklah kepada jabatan teknikal di peringkat daerah dan pihak perunding. Dalam masa yang sama, YH. Dato' perlulah memantau pelaksanaan garis panduan baharu ini dan merekodkan apa jua permasalahan yang wujud bagi tujuan penambahbaikan selepas berakhirnya tempoh percubaan.

M P K
TERIMA
18 APR 2019
PEJABAT YANG DIPERTUA

Adalah diharapkan dengan penggunaan Pengaturan Kendiri (*Self Regulated*) Permohonan Cadangan Pemajuan Pihak Berkuasa Tempatan ini akan memberi manfaat yang terbaik kepada semua pihak terlibat. Kerjasama daripada YH. Dato' berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

***"Mudah, Cepat, Telus"***

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.)**

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Tingkat 2, Blok A, Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan.**
**Tel : 09-5162253, 09-5126601 Fax : 09-5156106**